

RM3.7b laksana 190 program pembangunan PKS – Abdullah

Oleh YULPISMAN ASLI
dan AINUL ASNIERA AHSAN

Program itu dapat membantu memajukan lagi perkembangan PKS tempatan

UM-20/1/2007
ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

KUALA LUMPUR 19 Jan. – Kerajaan meluluskan peruntukan RM3.7 bilion untuk melaksanakan 190 program utama bagi pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) pada tahun ini.

Jumlah tersebut tidak termasuk pembiayaan pinjaman berjumlah RM51 bilion yang dijangka diberikan oleh institusi kewangan.

Pembiayaan sektor swasta itu yang akan dilengkap oleh kira-kira 37,000 pinjaman akan diluluskan di bawah pelbagai skim kerajaan, dijangka memberi faedah kepada kira-kira 110,000 akaun PKS.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengumumkan perkara itu pada sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan Keenam di Bank Negara Malaysia (BNM) di sini, hari ini.

“Program itu dapat membantu memajukan lagi perkembangan PKS tempatan,” kata beliau.

Turut hadir pada sidang akhbar itu ialah Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz.

Program utama itu ialah:

- 134 program bertujuan membina kapasiti dan keupayaan PKS, terutama dalam bidang pembangunan modal insan, pemasaran dan promosi.
- 28 program untuk mempertingkatkan akses kepada pembiayaan bagi PKS.
- 28 program untuk mengukuhkan infrastruktur yang menyokong pertumbuhan PKS.

Perdana Menteri berkata, selain pinjaman RM51 bilion oleh institusi kewangan,

pelaksanaan program tersebut juga diharapkan dapat membiayai 40 syarikat baru dalam sektor komunikasi teknologi maklumat (ICT) di bawah dana ICT dan mewujudkan 35 projek di bawah geran pengkomersialan bioteknologi.

Beliau berkata, untuk mempertingkatkan akses kepada pembiayaan bagi PKS, BNM juga akan memperkenalkan kemudahan pembiayaan berlandaskan syariah dan produk pembiayaan perdagangan baru.

“Untuk tujuan ini juga institusi kewangan seperti Bank Rakyat, Credit Guarantee Corporation Malaysia Bhd. (CGC) telah pun melalui beberapa perubahan untuk meningkatkan kecekapan dan keupayaan dari segi membantu PKS.

“Dengan itu, apa yang dapat kita hasilkan sekarang ialah, satu program pembiayaan

bagi PKS yang berdaya maju,” katanya.

Ini kerana, kata Abdullah, pada peringkat awal pelaksanaan program tersebut timbul kebimbangan sama ada pihak bank bersedia untuk mengeluarkan bantuan bagi PKS.

Bagaimanapun, kata beliau, usaha yang diambil oleh BNM menunjukkan ia telah membuahkan hasil sebagaimana dicatatkan sepanjang tahun lalu.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, dalam usaha memperkukuh PKS bagi membolehkannya menembusi pasaran global, usaha berterusan akan dilakukan termasuk memberi khidmat nasihat kepada lebih 60,000 PKS.

“Malah kita juga telah bersetuju mewujudkan portal bagi membolehkan pesanan dibuat oleh mereka yang berminat. Sebenarnya ia membantu memperkenalkan PKS,” katanya yang sebelum itu turut melancarkan buku kecil SMIDEC *Dasar, Insentif, Program dan Bantuan Kewangan untuk PKS*.